

**PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA  
BAGI BULAN MEI 2011**

**UCAPAN OLEH:**

**Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA  
PADA 19 MEI 2011 (KHAMIS)  
DI DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,  
BLOK C, KOMPLEKS KERJA RAYA.**

Assalamualaikum WBT  
Selamat pagi dan salam Satu Malaysia.  
Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

**Y.B Dato' Yong Khoon Seng**

Timbalan Menteri Kerja Raya

**Y.Bhg. Datuk Thomas George**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

**Y. Bhg. Dato' Ir. Mohd Noor bin Yaakob**

Ketua Pengarah Kerja Raya

**Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh**

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Y. Bhg Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat berkumpul di dewan yang serba indah ini bagi menyempurnakan majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi bulan Mei 2011. Lebih istimewa lagi, pada hari ini juga akan dilangsungkan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2010. Ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian anugerah pada pagi ini.

2. Saya dimaklumkan bahawa seramai 900 kakitangan dari Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada hari ini. Tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah yang bakal diterima oleh tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini akan menjadi pemangkin dalam usaha meneruskan kecemerlangan dalam bidang tugas masing-masing.

3. Setiap tanggungjawab yang diberikan kepada kita semua merupakan satu amanah besar yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Ikrar yang dilafazkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sebentar tadi, perlu diselami dan dijiwai dengan penuh rasa tanggungjawab. Ikrar inilah yang menjadi tunjang dan menentukan kejayaan sistem yang membentuk Kerajaan pada hari ini. Maka dengan itu, selaku penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan mempunyai peranan yang sangat besar dalam memastikan setiap dasar dan agenda nasional direalisasikan.

4. Kita semua amat bertuah kerana kepimpinan negara mempunyai wawasan dan misi yang sangat jelas. Asas yang membentuk

pembangunan sosio-ekonomi Malaysia pada hari ini diperkukuhkan melalui semangat '1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Model Baru Ekonomi pula menjadi wadah kepada setiap perancangan agenda pembangunan ekonomi negara. Hasilnya, kedua-dua Program Transformasi iaitu Transformasi Kerajaan dan Transformasi Ekonomi telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

5. Sebagai contoh, sejak Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilancarkan pada 25 Oktober 2010 oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak 54 dari 131 projek permulaan telah berjaya dilancarkan dan dimulakan pelaksanaannya. Keseluruhan pelaburan yang terlibat adalah berjumlah RM106.4 bilion dan dijangka pelaburan ini dapat meningkatkan Pendapatan Negara Kasar kepada RM153.8 bilion di samping memberi peluang pekerjaan kepada hampir 300,000 orang penduduk.

6. Namun satu perkara yang perlu kita semua renungkan pada hari ini adalah, sejauh mana penglibatan Kementerian Kerja Raya? Selaku Kementerian yang mempunyai bilangan personel teknikal terbesar di negara, Kementerian ini seharusnya memberi sumbangan yang signifikan kepada proses transformasi negara ini. Suka saya nyatakan perkara ini berulang kali kerana kita semua perlu berubah pada setiap masa dan perlu sentiasa memikirkan cara untuk memposisikan atau 'reposition' organisasi kita mengikut perubahan persekitaran. Malah di dalam setiap Mesyuarat Jemaah Menteri, saya sering memaklumkan kepada YAB Perdana Menteri bahawa, Kerajaan sebenarnya mempunyai sumber dan kepakaran teknikal yang terbaik di dalam negara. Adalah menjadi satu kerugian kepada

Kerajaan sekiranya kepakaran yang ada ini tidak digunakan dengan sepenuhnya.

7. Salah satu cara bagi Kementerian ini untuk mengukuhkan lagi peranannya adalah dengan meletakkan fokus bagi mentransformasikan industri pembinaan negara. Sektor pembinaan merupakan sektor yang terpenting dan faktor penentu kepada kejayaan Rancangan Malaysia ke-10 mahupun Program Transformasi Ekonomi. Melalui sokongan yang berterusan daripada pihak Kerajaan dan swasta, sektor ini telah berjaya mencatatkan pertumbuhan yang positif sejak tahun 2007 dan dijangka akan terus stabil dalam tempoh jangka masa yang panjang.

8. Oleh yang demikian, pada hari ini, saya ingin mengajak semua pihak baik Kementerian Kerja Raya, CIDB, JKR dan LLM untuk melaksanakan Program Transformasi Industri Pembinaan. Pelan Induk Industri Binaan Negara boleh dijadikan sebagai platform dan asas dalam menjayakan program transformasi ini. Fokus utamanya adalah untuk melonjakkan dan mentransformasi industri binaan di Malaysia sebagai sektor berdaya maju yang mapan dan berasaskan inovasi.

9. Transformasi ini saya kira amat bertepatan dengan masanya selaras dengan beberapa inisiatif penambahbaikan penting yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Antaranya adalah cadangan pindaan Akta CIDB dan Akta LLM yang bakal dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Pindaan akta lain yang akan menyusul adalah pindaan ketiga-tiga akta lembaga profesional iaitu lembaga jurutera, lembaga

arkitek dan lembaga juru ukur bahan. Manakala akta baru yang sedang dalam peringkat terakhir penelitian adalah Akta CIPAA.

10. Sebenarnya, pelbagai cara dapat kita lakukan demi kebaikan rakyat sekiranya kita lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab kita kepada rakyat. Pada Isnin yang lalu, dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri untuk kita memenuhi hasrat kerajaan bagi mendahulukan rakyat melalui gagasan 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, kita telah berjaya memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Arah Cheras dan Arah Petaling Jaya di Lebuhraya Hubungan Timur-Barat (Metramac) tujuh tahun lebih awal dari tempoh kensesinya . Ini dapat dilakukan melalui pengstruktur semula kadar tol bagi lebuhraya-lebuhraya di bawah pengurusan MTD Prime Sdn Bhd dan Metramac Corporation Sdn Bhd melalui keadah kewangan yang kreatif dan inovatif. Ini jelas menunjukkan bahawa kita mampu berkhidmat untuk rakyat dengan lebih baik sekiranya kita lebih kreatif dan inovatif di dalam pentadbiran kita.

11. Selain itu, dalam sedikit masa lagi, kita akan dapat melihat proses automasi perolehan Kerajaan yang serba moden melalui pelaksanaan inisiatif tender kerja secara online, *National e-Tendering Initiatives* atau NeTi. Sistem yang turut diperkemaskan oleh *Procurement Information Management System (PIMS)* ini akan menjadi kaedah baru yang saya yakin akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian ini.

12. Langkah awal atau tindakan segera yang boleh diambil untuk mentransformasi industri binaan negara adalah dengan menjadikan kesemua projek-projek Kerajaan di bawah JKR sebagai projek contoh amalan terbaik atau 'best practices' dalam industri pembinaan. Salah satu bidang yang saya kira boleh dijadikan amalan terbaik adalah pembinaan dan penyenggaraan jalan raya. Bidang yang dipelopori oleh JKR sejak sekian lama ini telah mengalami fasa perubahan yang begitu drastik dan dinamik. Malah branding yang dibawa oleh JKR begitu sinonim dengan jalan.

13. Oleh itu, kaedah pembinaan jalan raya perlu diinovasikan supaya bukan sahaja dapat mengurangkan kos serta memendekkan tempoh pembinaan, tetapi mampu menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dalam aspek penyenggaraan bagi tempoh jangka panjang. JKR pada hari ini tiada pilihan lain kecuali melakukan kerja dengan cara yang berlainan. JKR perlu menetapkan standard yang baru dan JKR perlu melakukannya dengan pantas. Sama ada melalui pengurusan nilai (value management) mahupun kejuruteraan nilai (value engineering), *stakeholders* meletakkan ekspektasi yang amat tinggi kepada JKR. Setiap projek yang dilaksanakan perlu memastikan pulangan wang yang terbaik (value for money) kepada Kerajaan.

14. Inisiatif transformasi lain yang perlu disegerakan oleh Kementerian Kerja Raya adalah rombakan dan penyusunan semula program pembangunan tenaga kerja industri binaan. Satu perancangan yang bersepadu perlu diwujudkan dan setiap program yang dirangka oleh semua institusi serta pusat latihan perlu diselaraskan mengikut keperluan dan

permintaan industri. Penyusunan semula ini amat penting supaya tenaga kerja sama ada di peringkat profesional mahupun separa profesional dapat menyiapkan diri dengan cabaran liberalisasi yang bakal kita tempuhi. Selain itu, perbezaan jurang kemahiran antara tenaga kerja mahir dan separa mahir perlu ditangani sekiranya kita ingin menjadikan industri ini sebagai sektor pekerjaan berpendapatan dan berprestasi tinggi.

15. Mengenai cara kerja berprestasi tinggi, di sini saya ingin melahirkan rasa amat bangga dengan kejayaan Program Perintis Bekerja Dari Rumah yang telah dilancarkan pada Januari 2010 yang lalu. Setelah lebih setahun program ini dilancarkan, ia telah memberikan impak yang amat positif kepada pertambahan output peserta, di samping menjimatkan perbelanjaan harian peserta. Program ini telah berjaya menunjukkan hasil yang mengagumkan dan saya berharap agar ianya dapat diteruskan dan diperluaskan kepada kumpulan yang lebih besar lagi.

16. Sebagaimana kita semua sedia maklum, prestasi kakitangan awam selepas ini akan dinilai melalui konsep 360 darjah. Ini bermakna prestasi tuan-tuan dan puan-puan akan dinilai oleh pegawai atasan, rakan sejawat dan juga kakitangan bawahan. Saya melihat ini adalah satu contoh perubahan yang amat baik dalam perkhidmatan awam kerana sebagaimana yang saya maklumkan pada awal ucapan sebentar tadi, kerja kita adalah amanah. Saya dan kita semua mempunyai amanah yang perlu dilaksanakan.

17. Gunakanlah dengan sebaiknya tempoh masa yang diberikan sama ada di peringkat tertinggi mahupun di peringkat bawah untuk melakukan

yang terbaik. Masa yang kita ada tidak panjang dan kadangkala terlalu singkat. Jika tuan-tuan dan puan-puan ingin memulakan sesuatu, lakukannya sekarang. Seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini semasa Majlis Konsultasi Belanjawan 2012, kita semua perlu bergerak sekarang untuk memenuhi segala ekpektasi dan janji kepada rakyat. *'Implementation now is the key to success'*.

18. Oleh itu, pada pendapat saya, setiap tugas dan jawatan di Kementerian Kerja Raya adalah sama penting dan tahap akauntabiliti seharusnya semakin meningkat apabila semakin berada di atas. Dari peringkat KSU, Ketua Pengarah sehinggalah ke peringkat Pembantu Am Pejabat, masing-masing mempunyai akauntabiliti dan peranannya yang tersendiri. Di kesempatan ini saya mengharapkan kerjasama dan komitmen dari semua warga Kerja Raya agar kita boleh bekerja di dalam satu pasukan yang mempunyai hala tuju dan visi yang sama.

19. Semoga dengan semangat dan iltizam yang ada akan menjadi satu titik tolak lembaran baru ke arah merealisasikan hasrat menjadikan Kementerian Kerja Raya sebagai peneraju industri pembinaan negara. Saya optimis, semua penjawat awam di KKR, JKR, CIDB dan LLM berkemampuan dalam mentransformasi industri pembinaan di dalam negara serta melangkah lebih jauh di persada antarabangsa.

20. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2010. Saya dengan luhur hati mengharapkan agar semua yang diraikan



pada hari ini dapat mengekalkan rentak kecemerlangan yang sedia ada seterusnya menjadi pemimpin di dalam perkhidmatan awam.

Sekian, Terima kasih